



GARIS PANDUAN PERTANDINGAN MEWARNA

Tema: Cahaya Al Quran di Hatiku

1. Syarat

- ***Terbuka kepada Kategori A (5 - 6 tahun) sahaja.***
- Anda dikehendaki mencetak kertas lukisan yang disediakan menggunakan kertas bersaiz A4 dan mewarna lukisan tersebut.
- Anda digalakkan untuk menambah lukisan berkaitan dengan tema pertandingan: “Cahaya Al Quran di Hatiku” di kertas templat mengikut kreativiti masing-masing sebagai nilai tambah pemarkahan.
- Anda bebas menggunakan peralatan mewarna seperti pensel warna, krayon, oil pastel, pen, warna air dan lain-lain. Penggunaan perisian komputer atau digital tidak dibenarkan.
- Berseronoklah mewarnakan karya anda mengikut citarasa dan kreativiti sambil berbincang dengan ibubapa tentang tambahan lukisan yang boleh dihasilkan mengikut tema pertandingan.

2. Pemarkahan

Karya anda akan dinilai berdasarkan kekemasan, tona warna, idea dan kreativiti .

3. Imbas (Scan) atau ambil gambar (snap) hasil lukisan

Setelah selesai mewarna, sila imbas (scan) atau ambil gambar (snap) hasil karya anda.

4. Daftar dan hantar karya anda

Sila daftar butiran dan muatnaik hasil karya anda menerusi ruang yang disediakan dalam borang pendaftaran selewat-lewatnya pada **30 Mac 2025** (Ahad) sebelum jam 4:00 petang. Anda digalakkan untuk menghantar karya seawal mungkin bagi mengelakkan kesesakan pada laman sesawang.

Pautan untuk menghantar karya: <https://www.haluan.org.my/event/rmc2025>

5. Keputusan

Pemenang akan diumumkan di TVHALUAN pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Pihak penganjur akan menghubungi ibubapa/penjaga pemenang bagi urusan penyerahan hadiah. Untuk maklumat terkini, sila layari [Facebook Haluanita](#).